



MEMO PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)
KM 45, KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA



Tarikh : 21 Februari 2017

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

No. Rujukan: KUIM/KEW/PINJ/KADSIM17

PERKARA	KAD DEBIT DISKAUN SISWA IMALAYSIA (KADSIM Debit)
KEPADA	Semua Siswa/Siswi Semua Dekan Kolej Universiti Islam Melaka
DARIPADA	Bendahari
SALINAN KEPADA	Naib Canselor Timbalan Naib Canselor, Akademik, Penyelidikan dan Inovasi Pendaftar Pengarah Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa melalui pengumuman Bajet 2017, Kad Debit Diskaun Siswa 1Malaysia (KADSIM Debit) yang bernilai RM 250.00 untuk kegunaan pembelian buku, alatulis, alatan komputer dan akses internet telah menggantikan baucer buku 1 Malaysia mulai tahun 2017.

3. Sehubungan dengan itu, semua pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang sedang melanjutkan pengajian dan berstatus aktif pada 31 Disember 2016, boleh memohon secara online mulai 16 Februari 2017 hingga 31 Mac 2017 melalui Bank Rakyat di laman web <http://www.bankrakyat.com.my/bppt> serta melengkapkan borang maklumat peribadi. Selesai mendaftar, pihak Bank Rakyat akan memaklumkan melalui emel berkenaan pengambilan KADSIM Debit di cawangan pilihan pemohon.

3. Sebarang pertanyaan mengenai Kad SIM Debit, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454. Bagi pelajar yang ingin mengetahui status samada mereka aktif dan layak untuk menerima kad debit tersebut boleh membuat semakan di Bahagian Akademik, KUIM.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II"

"BERKAT, TEPAT, CEPAT"

"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"

Saya yang menurut perintah,


(NORASHIKIN BT. ABDUL RAHIM)